

Headline	Tiba di Madinah selepas berkayuh selama 105 hari		
Media Title	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2024	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	11	Readership	420,000
Language	Malay	Article Size	390 cm ²
Journalist	N/A	Ad Value	RM 8,268
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,804



Tiga rakyat tempatan tamatkan misi tunai haji dengan berbasikal

KUALA LUMPUR

Selepas 105 hari melakukan pengembaraan berbasikal dari ibu negara, pasangan suami isteri bersama seorang rakan berjaya tiba di Madinah, Arab Saudi dalam misi menunaikan Rukun Islam kelima itu.

Ahmad Mohd Isa, 36, dan isteri, Noradilah Mohd Sapie, 37, serta kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Abdul Halim Talha, 57, tiba ke destinasi dirancang pada 19 April lalu selepas menempuh perjalanan sejauh 12,000 kilometer (km).

Ahmad berkata, kayuhan kali ini lebih singkat berbanding kayuhan sama sembilan tahun lalu kerana matlamat utama ialah melakukan haji selain separuh perjalanan pula terpaksa menggunakan kenderaan seperti kereta api, kapal terbang, feri dan kereta atas faktor yang tidak dapat dielakkan.

"Pada 2016, saya dan isteri ketika itu baru berkahwin melakukan pengembaraan berbasikal membabitkan 14 negara yang mengambil masa setahun tiga bulan untuk sampai ke Makkah sebelum menunaikan umrah."

"Tapi pengembaraan kali ini lebih berfokus iaitu menunaikan haji selain membabitkan laluan tujuh negara dengan lima bulan sahaja masa yang diambil untuk sampai di sini (Madinah)," katanya.

Menurut Ahmad, perjalanan bermula melalui Thailand sebelum mengambil penerbangan ke India dan menyambung kayuhan ke Pakistan, Iran serta kemudian menaiki feri ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan terus berkayuh ke Arab Saudi.

Tiba di Madinah selepas berkayuh selama 105 hari



Ahmad (tengah) bersama isteri, Noradilah (kiri) dan Abdul Halim selamat tiba di Madinah, Arab Saudi pada 19 April lalu.

Ber cerita lanjut, Ahmad berkata, seorang lagi rakannya yang juga bekas wartawan sambilan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (*Bernama*), Che Saad Nordin, 74, yang bersama berbasikal pada peringkat awal tidak dapat meneruskan kembara kerana faktor kesihatan dan cuaca sejuk ketika tiba di Pakistan.

Menurutnya, walaupun Che Saad berpengalaman berbasikal menjelajahi Malaysia sebanyak 22 kali, namun faktor

geografi pergunungan dan cuaca sejuk menjejaskan kesihatannya.

"Ketika memasuki Pakistan, cuaca sejuk dengan suhu di bawah 10 darjah Celsius menyebabkan kesihatan Pak Ad (Che Saad) merosot dengan batuk berpanjangan, hilang selera makan sehingga sukar berkayuh dan terpaksa mendapatkan rawatan di hospital.

"Selepas perbincangan bersama dan nasihat doktor supaya tidak meneruskan

Pada 2016, saya dan isteri ketika itu baru berkahwin melakukan pengembaraan berbasikal membabitkan 14 negara yang mengambil masa setahun tiga bulan untuk sampai ke Makkah sebelum menunaikan umrah."

kayuhan, Pak Ad bersetuju mengambil tiket penerbangan pulang ke Malaysia. Alhamdulillah, selepas tiba di tanah air dan mendapat rawatan susulan, kesihatannya kini bertambah baik," katanya.

Sementara itu, mereka turut menghasilkan poskad diilhamkan daripada setiap negara dijelajahi bagi menampung kos haji dan sebanyak 1,558 keping berjaya dijual dengan nilai lebih RM141,000.

"Ada beberapa pilihan yang ada dalam usaha kami untuk menunaikan haji ini antaranya melalui visa mujamalah dari Kedutaan Arab Saudi yang diberikan kepada agensi atau pengelola haji terpilih dari Malaysia," katanya. - *Bernama*